

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI  
[ GOMBAK ]**

**TARIKH : RABU, 16 MAC 2016**

**RUJUKAN : L5 [PR-1341-L73543]**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [ Gombak ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah Kerajaan menyedari dan sudah mengenal pasti beberapa kawasan di Kuala Lumpur yang berpotensi dibangunkan semula (re-generasi).

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengenal pasti beberapa kawasan di Kuala Lumpur khususnya kawasan perumahan di Kuala Lumpur yang perlu dibangunkan semula memandangkan bangunan-bangunan di dalam kawasan tersebut sudah terlalu uzur dan usang.

Pindaan Draf Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 (DPBRKL2020) telah mengenal pasti 25 kawasan untuk regenerasi di sekitar bandar raya Kuala Lumpur. Kawasan-kawasan ini merupakan kawasan perumahan, perdagangan, industri dan institusi yang berpotensi untuk dibangunkan.

Kawasan-kawasan tersebut adalah seperti berikut:

No.	Nama Jalan	Luas (Ha)	Penggunaan	Lot
1.	Jalan Berangan	12.25	Perdagangan Utama (MC)	7
2.	Jalan Kenanga	7.16	Perdagangan Utama (MC)	6
3.	Jalan Tiong Nam	11.26	Pembangunan Bercampur (MX)	8
4.	Jalan Haji Taib	9.60	Perdagangan Utama (MC)	8
5.	Jalan Walter Granier	3.70	Perdagangan Utama (MC)	7
6.	Jalan Alor	3.21	Perdagangan Utama (MC)	7
7.	Jalan Pasar	45.55	Pengangkutan (TR)	6
8.	Jalan Imbi	29.51	Perdagangan Utama (MC)	7
9.	Jalan Raja Bot	12.32	Pembangunan Bercampur (MX)	8
10.	Jalan Rahmat	13.85	Perdagangan Utama (MC)	8

11.	Brickfields	49.68	Pembangunan Bercampur (MX)	8
12.	Stesen Bas Kelang-Pasar Seni	4.96	Perdagangan Utama (MC)	4
13.	Jalan Melayu-Jalan Masjid India	11.56	Perdagangan Utama (MC)	8
14.	Kampong Bharu	105.50	Perdagangan Pusat Bandar Raya (CCC)	10
15.	Jalan Raja Laut	13.03	Perdagangan Utama (MC)	8
16.	Jalan Petaling	24.07	Perdagangan Utama (MC)	4
17.	Jalan Inai	25.43	Pengangkutan (TR)	6
18.	Jalan San Peng	21.80	Perdagangan Utama (MC)	6
19.	Perumahan Awam Jalan San Peng	9.37	Kediaman 3 (R3)	400
20.	Jalan Maharajalela & Jalan Taalala	4.46	Perdagangan Utama (MC)	6
21.	Pekan Sungai Besi	5.59	Perdagangan (C)	4
22.	Taman Ikan Emas	53.49	Pembangunan Bercampur (MX)	4
23.	Razak Mansion	8.74	Pembangunan Bercampur (MX)	4
24.	Jalan Kolam Air	7.16	Pembangunan Bercampur (MX)	6
25.	Kerinchi (One Kerinchi)	4.01	Pembangunan Bercampur (MX)	5